



PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 43 TAHUN 2023

GARIS PANDUAN
MENGANJURKAN PASAR MALAM MAHASISWA
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Pendaftar

4 Disember 2023 | 20 Jamadilawal 1445H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM100-1/3/1 JLD. 2 (30)

4 DISEMBER 2023
20 JAMADILAWAL 1445H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.43/2023

GARIS PANDUAN MENGANJURKAN PASAR MALAM MAHASISWA DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai Garis Panduan Menganjurkan Pasar Malam Mahasiswa di UTeM yang telah mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 7 tahun 2023 pada 26 Oktober 2023.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Majlis Perwakilan pelajar (MPP) telah diberi mandat oleh Pengurusan Universiti sebagai **Penganjur Pasar Malam Mahasiswa UTeM** yang mana MPP sebagai Penganjur perlu mendapatkan kelulusan Mesyuarat Majlis Eksekutif dan perlu memastikan penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM adalah selaras dengan ketetapan Garis Panduan yang dinyatakan, mana-mana undang-undang, dasar, kaedah, peraturan, pekeliling, garis panduan, arahan dan sebagainya yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- 2.2 Garis Panduan ini diwujudkan bertujuan menambahbaik kecekapan pengurusan penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM ke arah yang lebih terurus, bersih, dan selesa di UTeM bagi memastikan pengurusan penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM yang seragam, berterusan, efisien dan efektif serta menjadikan Pasar Malam Mahasiswa UTeM sebagai satu aktiviti mingguan yang membantu menghidupkan lagi suasana dalam kampus yang menyokong Pelan Strategik UTeM dan Matlamat Pembangunan Mampan.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Lokasi Pasar Malam Mahasiswa UTeM mengambil kira dua (2) perkara iaitu Pemilihan Lokasi dan Persediaan Lokasi seperti Perkara 6.1.1 dan Perkara 6.1.2 Garis Panduan Menganjurkan Pasar Malam Mahasiswa UTeM di **Lampiran 1**.
- 3.2 Waktu operasi Pasar Malam Mahasiswa UTeM hendaklah bermula pada jam 4.00 petang dan berakhir pada jam 9.30 malam.
- 3.3 Deposit (RM100.00/penganjuran) yang merupakan bayaran wang pendahuluan dikenakan sebagai jaminan untuk pengusaha memberikan komitmen dalam menjaga kebersihan tapak niaga perlu dibayar bermulanya sesi Pasar Malam Mahasiswa UTeM dan akan dipulangkan Penganjur sebaik sahaja sesi Pasar Malam Mahasiswa UTeM tamat.
- 3.4 Yuran Tapak (RM10.00/tapak/hari) merupakan yuran komited yang dibayar satu (1) kali dalam satu (1) bulan merujuk kepada bilangan hari Pasar Malam Mahasiswa UTeM diadakan bagi sewaan tapak oleh pengusaha dan perlu dibayar sebelum 25 haribulan pada setiap bulan untuk bulan berikutnya (*advance payment*).
- 3.5 Jumlah terimaan pembayaran akan dikreditkan ke dalam Tabung Kepimpinan Pelajar.
- 3.6 Bagi memastikan pengurusan penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM berjalan lancar, pihak UTeM menetapkan beberapa syarat seperti serta peranan kepada pengusaha seperti Perkara 10.0 dan Perkara 11.0 Garis Panduan Menganjurkan Pasar Malam Mahasiswa UTeM di Lampiran 1.
- 3.7 Petugas berperanan memastikan keadaan di lokasi Pasar Malam Mahasiswa UTeM tersedia, berjalan lancar dan bersih sebelum, semasa dan selepas penganjuran. Petugas diberikan Elaun Petugas sebanyak RM20.00/hari.

4.0 DASAR PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR

- 4.1 Dasar adalah seperti di **Lampiran 1**.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

5.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 26 Oktober 2023.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

GARIS PANDUAN MENGANJURKAN PASAR MALAM MAHASISWA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pelajar dan pihak universiti yang terlibat merancang, mengawal dan menguruskan aktiviti menganjurkan Pasar Malam Mahasiswa di UTeM.

2.0 TAFSIRAN

2.1 Di dalam Garis Panduan ini, jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Deposit” ertinya Wang Pendahuluan;

“Garis Panduan” ertinya Garis Panduan Menganjurkan Pasar Malam Mahasiswa UTeM;

“Pasar Malam” ertinya pasar pada waktu malam atau tempat diadakan bermacam-macam pertunjukan (tempat makan dan lain-lain) yang dibuka pada waktu malam;

“Penganjur” ertinya Majlis Perwakilan Pelajar yang diberi mandat oleh Pengurusan Universiti untuk menganjurkan Pasar Malam Mahasiswa UTeM;

“Pengusaha” ertinya peniaga yang berniaga di Pasar Malam Mahasiswa UTeM;

“Petugas” ertinya pelajar yang dilantik untuk membantu menguruskan operasi Pasar Malam Mahasiswa UTeM;

“UTeM” ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretasi:

- a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya;
- b) Pada bila-bila masa Garis Panduan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian;
- c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Garis Panduan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Garis Panduan ini; dan
- d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Garis Panduan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Garis Panduan ini.

3.0 UNDANG-UNDANG

3.1 Garis Panduan ini perlu dibaca bersama undang-undang berikut:

- a) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
- b) Perlembagaan UTeM termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
- c) Kaedah-kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009;
- d) Peraturan Kewangan dan Peraturan Universiti (PKPU);
- e) Dasar Pengurusan Aktiviti Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka; dan
- f) mana-mana undang-undang, dasar, kaedah, peraturan, pekeliling, garis panduan, arahan dan sebagainya yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

3.2 Sekiranya mana-mana peruntukan di dalam Garis Panduan ni menjadi tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan disebabkan sebarang alasan, termasuk dan tidak terbatas kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat

kuasa atau disebabkan keputusan mahkamah atau badan lain atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Garis Panduan ini, maka hanya peruntukan tersebut sahaja yang terbatal manakala peruntukan-peruntukan yang lain masih sah dan berkuat kuasa.

- 3.3 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.

4.0 OBJEKTIF

- 4.1 Objektif Garis Panduan ini adalah seperti berikut:

- a) Untuk menambahbaik kecekapan pengurusan penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM ke arah yang lebih terurus, bersih, dan selesa di UTeM;
- b) Untuk memastikan pengurusan penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM yang seragam, berterusan, efisien dan efektif; dan
- c) Untuk menjadikan Pasar Malam Mahasiswa UTeM sebagai satu aktiviti mingguan yang membantu menghidupkan lagi suasana dalam kampus yang menyokong Pelan Strategik UTeM dan Matlamat Pembangunan Mampan.

5.0 KELULUSAN PENGANJURAN

- 5.1 Bagi tujuan penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM:

- a) Majlis Perwakilan pelajar (MPP) telah diberi mandat oleh Pengurusan Universiti sebagai **Penganjur Pasar Malam Mahasiswa UTeM**. Mana-mana pihak yang berhasrat hendak menjalankan Pasar Malam Mahasiswa UTeM perlu berhubung dengan pihak MPP;
- b) Penganjur perlu mendapatkan kelulusan Mesyuarat Majlis Eksekutif; dan
- c) Penganjur perlu memastikan penganjuran Pasar Malam mahasiswa UTeM adalah selaras dengan ketetapan Garis Panduan ini, mana-mana undang-undang, dasar, kaedah, peraturan, pekeliling, garis panduan, arahan dan sebagainya yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

6.0 LOKASI PASAR MALAM MAHASISWA UTeM

6.1 Terdapat dua (2) perkara yang perlu diambil kira dalam penyediaan lokasi Pasar Malam Mahasiswa UTeM di UTeM, seperti berikut:

6.1.1 Pemilihan Lokasi:

- a) Pasar Malam Mahasiswa UTeM hendaklah ditempatkan di lokasi yang tidak mengganggu lalu lintas utama dan laluan awam di UTeM;
- b) Ketersediaan jalan susur keluar/masuk bagi Pasar Malam Mahasiswa UTeM;
- c) Tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM hendaklah berada di kawasan berturap (*paved*) dan bebas daripada sebarang risiko banjir atau takungan air hujan;
- d) Tidak berada dalam lingkungan atau berdekatan dengan punca-punca pencemaran seperti tapak pengumpulan/pelupusan sampah sarap, loji rawatan air kumbah dan sebagainya; dan
- e) Tidak berada dalam lingkungan atau berdekatan dengan kawasan berisiko tinggi seperti di bawah kabel bervoltan tinggi dan sebagainya.

6.1.2 Persediaan Lokasi:

- a) Penganjur perlu menyediakan surat pemakluman berkaitan penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM dan dimajukan kepada pihak-pihak seperti berikut:
 - i) Bagi tujuan permohonan kelulusan penggunaan lokasi Pasar Malam Mahasiswa UTeM dan pemakluman penggunaan rumah sampah sepanjang sesi Pasar Malam Mahasiswa UTeM - Pejabat Pengurusan Fasiliti, UTeM dan Syarikat Naluri Etika Sdn. Bhd (Syarikat Konsesi);
 - ii) Bagi tujuan pemakluman dan permohonan papan tanda serta pengosongan lokasi Pasar Malam Mahasiswa UTeM - Pejabat Keselamatan, UTeM;
 - iii) Bagi tujuan pemakluman awal penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM - semua Pengusaha Kafetaria di UTeM; dan
 - iv) lain-lain lagi Pusat Tanggungjawab yang berkaitan.

7.0 WAKTU OPERASI PASAR MALAM MAHASISWA

7.1 Penganjur perlu memastikan:

- a) Waktu operasi Pasar Malam Mahasiswa UTeM hendaklah bermula pada jam 4.00 petang dan berakhir pada jam 9.30 malam.

8.0 DEPOSIT DAN YURAN TAPAK

8.1 Bagi memastikan komitmen penuh diberikan pengusaha Pasar Malam Mahasiswa UTeM kepada penganjuran Pasar Malam Mahasiswa, Deposit dan Yuran Tapak akan dikenakan seperti berikut:

8.1.1 Deposit - RM100.00/penganjuran

Deposit yang merupakan bayaran wang pendahuluan dikenakan sebagai jaminan untuk pengusaha memberikan komitmen dalam menjaga kebersihan tapak niaga. Deposit ini perlu dibayar sebelum bermulanya sesi Pasar Malam Mahasiswa UTeM. Pemulangan Deposit hendaklah diuruskan Penganjur sebaik sahaja sesi Pasar Malam Mahasiswa UTeM tamat.

8.1.2 Yuran Tapak (10' X 10') - RM10.00/tapak/hari

Yuran Tapak merupakan yuran komited yang dibayar bagi sewaan tapak oleh pengusaha. Yuran Tapak ini dibayar satu (1) kali dalam satu (1) bulan merujuk kepada bilangan hari Pasar Malam Mahasiswa UTeM diadakan dan pengusaha hendaklah membayar Yuran Tapak sebelum 25 haribulan pada setiap bulan untuk bulan berikutnya (*advance payment*).

9.0 PENGURUSAN KEWANGAN

9.1 Penganjur perlu memastikan tata kelola pengurusan kewangan bagi penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM dipatuhi dengan sewajarnya, merujuk kepada perkara berikut:

9.1.1 Deposit dan Yuran Tapak

- a) Pindahan atas talian:
Nama Akaun: Universiti Teknikal Malaysia Melaka
No. Akaun: 04042010000833
Nama Bank: Bank Islam Malaysia Berhad
Rujukan: Deposit Pasar Malam Mahasiswa UTeM/Yuran Tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM

9.1.2 Hasil Pendapatan Penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM

- a) Penganjur perlu mendapatkan salinan resit pindahan atas talian daripada pengusaha dan seterusnya menyediakan surat permohonan pengeluaran resit bagi pembayaran Deposit dan Yuran Tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM setiap bulan kepada Pejabat Bendahari sebelum 1 haribulan, bulan berikutnya;
- b) Jumlah terimaan pembayaran akan dikreditkan ke dalam Tabung Kepimpinan Pelajar; dan
- c) Penganjur perlu menyimpan semua salinan resit pindahan atas talian yang diterima daripada pengusaha.

9.1.3 Pemulangan Semula Deposit kepada Pengusaha

Penganjur perlu membuat permohonan pemulangan semula Deposit kepada pengusaha sebaik sahaja sesi Pasar Malam Mahasiswa UTeM tamat. Seterusnya, Penganjur perlu membuat permohonan kepada Pejabat Bendahari bagi tujuan pemulangan semula Deposit kepada pengusaha.

10.0 SYARAT PENGUSAHA

- 10.1 Bagi memastikan pengurusan penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM berjalan lancar, pihak UTeM menetapkan beberapa syarat kepada pengusaha seperti berikut:

- a) Pengusaha perlu mendaftar sebagai Pengusaha Pasar Malam Mahasiswa UTeM menggunakan borang seperti di **Lampiran A**;
- b) Pengusaha mestilah **berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, memiliki Sijil Suntikan *Typhoid* dan menghadiri Kursus Pengendalian Makanan** (salinan ketiga-tiga dokumen hendaklah dikemukakan kepada Penganjur);
- c) Pengusaha perlu membayar **Deposit sebanyak RM100.00 (satu (1) kali sepanjang tempoh penganjuran)** sebelum bermulanya sesi Pasar Malam Mahasiswa UTeM. Pemulangan Deposit perlu diuruskan oleh Penganjur sebaik sahaja sesi Pasar Mahasiswa UTeM Malam tamat;
- d) Pengusaha perlu membayar **Yuran Tapak sebanyak RM10.00/tapak/hari** yang merupakan yuran komited yang dibayar bagi sewaan tapak oleh pengusaha. Yuran Tapak ini dibayar satu (1) kali dalam satu (1) bulan merujuk kepada bilangan hari Pasar Malam Mahasiswa UTeM diadakan dan pengusaha hendaklah membayar Yuran Tapak sebelum 25 haribulan pada setiap bulan untuk bulan berikutnya (*advance payment*);
- e) Sepanjang tempoh berlangsungnya Pasar Malam Mahasiswa UTeM, pengusaha mestilah beroperasi mulai jam 4:00 petang sehingga jam 9.30 malam sahaja dan pengusaha dimestikan memakai apron, kasut bertutup serta penutup kepala;
- f) Pengusaha **disyorkan** mengupah sekurang-kurangnya satu (1) orang pelajar UTeM untuk berniaga bersama-sama. Kadar minimum bayaran upah untuk satu (1) orang pelajar yang bekerja adalah RM6.25/jam;
- g) Pengusaha yang dilantik tidak dibenarkan untuk menyewakan semula lot/tapak niaga kepada pihak lain tanpa pengetahuan pihak Penganjur. Penganjur berhak untuk membatalkan sewaan tapak niaga sekiranya pengusaha gagal mematuhi sebarang arahan Penganjur;

- h) Pengusaha perlu mempamerkan tanda harga bagi setiap jenis jualan sepanjang perniagaan berlangsung;
- i) Bekalan elektrik dan air tidak akan disediakan oleh pihak Penganjur. Penganjur dan pengusaha adalah dilarang untuk membuat sebarang sambungan elektrik atau air dari mana-mana kawasan ke tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM;
- j) Barangan yang dijual oleh pengusaha hendaklah merupakan barangan yang dibenarkan untuk diniagakan dan tidak menyalahi atau bercanggahan dengan sebarang peruntukan undang-undang, seperti barangan curi, cetak rompak dan barangan. Sekiranya didapati melanggar ketetapan ini, pihak Penganjur berhak membatalkan sewaan pengusaha, manakala Deposit dan Yuran Tapak tidak akan dikembalikan;
- k) Penganjur mempunyai hak sepenuhnya dalam menyusun kedudukan tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM mengikut kesesuaian strategi pemasaran;
- l) Pengusaha adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kerosakan yang berlaku pada tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM dan perlu melaksanakan pembaikan selaras dengan spesifikasi dan/atau keperluan yang ditetapkan oleh UTeM;
- m) Pengusaha mesti menjaga kebersihan tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM yang ditawarkan, menyediakan tong sampah dan memastikan sampah dibawa keluar dari tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM oleh pihak pengusaha sendiri. Pihak Penganjur berhak membatalkan sewaan dan boleh bertindak menutup operasi perniagaan dengan serta merta sekiranya mendapati mana-mana perniagaan yang tidak mengutamakan kebersihan. Deposit tidak akan dikembalikan sekiranya

pengusaha didapati mengabaikan aspek kebersihan tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM;

- n) Segala jenis cecair (minyak atau air) tidak dibenarkan dibuang ke dalam longkang atau mana-mana kawasan di dalam UTeM. Minyak terpakai hendaklah dikumpulkan dalam bekas yang bersesuaian dan dibawa keluar setiap kali tamat operasi Pasar Malam Mahasiswa UTeM;
- o) Pengusaha hendaklah membawa kain kanvas atau kotak atau seumpamanya untuk digunakan sebagai pelapik bagi mengelak tumpahan minyak dan sebagainya daripada berlaku;
- p) Pengusaha dilarang menjalankan kerja-kerja membersihkan makanan dan perkakasan di tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM atau di bangunan-bangunan dalam kawasan kampus UTeM;
- q) Set jana kuasa elektrik (*generator set*) tidak boleh diletakkan secara terus ke atas lantai dan hendaklah dialas dengan papan lapis yang bersesuaian bagi mengelakkan kerosakan pada jalan di tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM;
- r) Pengusaha tidak boleh menuntut sebarang pampasan atau ganti rugi daripada pihak Penganjur sekiranya berlaku apa-apa kerugian, kecurian, atau kemalangan yang menimpa secara langsung hasil daripada aktiviti perniagaan pengusaha sepanjang operasi berlangsung;
- s) Pengusaha mestilah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh UTeM dan Penganjur dari semasa ke semasa;
- t) Pengusaha adalah tertakluk kepada peraturan UTeM semasa tempoh pengoperasian dan sepanjang masa berada di dalam kawasan kampus UTeM. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang bentuk penipuan, kacau ganggu dan lain-lain perkara yang bukan dalam tanggungjawab Penganjur.

11.0 PERANAN PENGANJUR

11.1 Peranan Penganjur dalam memastikan kelancaran penganjuran Pasar Malam Mahasiswa UTeM adalah seperti berikut:

- a) mendapatkan kelulusan penganjuran;
- b) memastikan bahawa setiap pengusaha berdaftar sebagai Pengusaha Pasar Malam Mahasiswa UTeM dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, memiliki Sijil Suntikan *Typhoid* serta menghadiri Kursus Pengendalian Makanan;
- c) mengeluarkan Surat Tawaran Pelantikan Pengusaha Pasar Malam Mahasiswa UTeM seperti di **Lampiran B**;
- d) merekod dan menyimpan maklumat pengusaha seperti yang terkandung dalam borang pendaftaran pengusaha;
- e) menguruskan kewangan mengikut peraturan dan tatacara yang ditetapkan;
- f) hendaklah memastikan bahawa hanya pengusaha berdaftar sahaja dibenarkan berniaga di Pasar Malam Mahasiswa UTeM;
- g) membuat semakan terhadap komitmen pengusaha dalam mematuhi syarat yang telah ditetapkan;
- h) membuat hebahan berkaitan pengoperasian Pasar Malam;
- i) hendaklah mengawal lalu lintas dan parkir untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas sepanjang waktu operasi;
- j) bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan lokasi Pasar Malam Mahasiswa UTeM terutama selepas tamat waktu operasi; dan

- k) Menyediakan Petugas bagi membantu urusan pengoperasian Pasar Malam Mahasiswa UTeM.

12.0 PERANAN PETUGAS

12.1 Peranan Petugas ditetapkan seperti berikut:

a) Sebelum Operasi:

- i) Memastikan kawasan tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM dikosongkan sebelum penganjuran; dan
- ii) Menghubungi Pejabat Keselamatan berkaitan papan tanda dan pengosongan kawasan tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM.

b) Semasa Operasi:

- i) Memastikan pengusaha meletakkan kenderaan ditempat yang ditetapkan;
- ii) Membuat senarai semak pematuhan syarat pengusaha; dan
- iii) Memantau kebersihan tapak pengusaha.

c) Selepas Operasi:

- i) Menjalankan kerja-kerja pembersihan di seluruh tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM;
- ii) Mengumpul dan membuang sampah ke Rumah Sampah (bagi tapak di Kolej Kediaman Satria);
- iii) Memastikan tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM dalam keadaan bersih.

12.2 Elaun Petugas:

Setiap Petugas diberikan Elaun Petugas sebanyak RM20.00/hari.

LAMPIRAN A:
CONTOH BORANG
PERMOHONAN

(Dipinda mengikut kesesuaian)

BORANG PERMOHONAN

TAPAK NIAGA PASAR MALAM MAHASISWA UTeM

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMOHON

(Sila kepilkan Salinan Sijil Pendaftaran SSM, Sijil Suntikan Typhoid dan Sijil Menghadiri Kursus Pengendalian Makanan)

Nama Pemohon : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Nama Syarikat : _____

No Pendaftaran SSM : _____

Alamat Pemohon : _____

No Telefon Bimbit : _____

Alamat Emel Pemohon : _____

Jenis Perniagaan : _____

(nyatakan barangan yang diniaga, boleh lampirkan sebagai dokumen tambahan sekiranya ruang tidak mencukupi)

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PEKERJA (PELAJAR UTeM)

Pengusaha DISYORKAN untuk mengupah sekurang-kurangnya seorang pelajar UTeM untuk berniaga bersama. Minimum kadaran bayaran upah untuk seorang pelajar yang bekerja adalah RM6.25/jam.

(Sekiranya tiada calon, pihak Penganjur boleh menamakan pelajar sebagai pekerja)

Perkara	Pekerja 1
Nama Pekerja (Pelajar UTeM)	
No. Matriks	
No. Kad Pengenalan	
Fakulti	

Tahun / Semester Pengajian	
No. Tel. Bimbit	

BAHAGIAN C: PERAKUAN PEMOHON

Dengan ini, saya mengaku dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang tercatat di dalam borang ini dan lampiran-lampiran yang disertakan adalah benar.

Saya juga bersetuju sekiranya maklumat yang diberikan adalah palsu, UTeM berhak untuk mengambil tindakan terhadap saya.

Sekiranya permohonan saya diluluskan, saya akur dan akan mematuhi segala syarat yang disenaraikan sebagai satu komitmen sebagai Pengusaha Tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM.

.....
(Tandatangan Pemohon)

Nama:

Tarikh:

BAHAGIAN D: KELULUSAN PENGANJUR:

Dokumen Wajib (sila tanda (/)):

Sesi: _____

☐	Salinan Sijil Pendaftaran
☐	Salinan Sijil Suntikan Typhoid
☐	Salinan Sijil Menghadiri Kursus Pengendalian Makanan

☐	Diluluskan
☐	Tidak Diluluskan

KELULUSAN OLEH:

Nama:

Tarikh:

*Borang ini perlu dilampirkan dengan syarat pengusaha.

LAMPIRAN B:
CONTOH
SURAT PELANTIKAN

(Dipinda mengikut kesesuaian:
sila guna *letterhead* Persatuan/Pusat Tanggungjawab)

Nama Pengusaha

Alamat

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Tuan/Puan,

Tawaran Pelantikan Sebagai Pengusaha Pasar Malam Mahasiswa UTeM bagi Sesi.....

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **nama penganjur**, Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah bersetuju untuk melantik Tuan/Puan sebagai Pengusaha Pasar Malam Mahasiswa UTeM bagi **Sesi bermula sehingga**

3. Bersama – sama ini disertakan Syarat Pengusaha seperti di Lampiran. Tuan/Puan adalah disyorkan untuk mengupah sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar UTeM sebagai pekerja dan mestilah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur dari semasa ke semasa serta peraturan Universiti semasa tempoh penganjuran. Pihak penganjur berhak untuk mengambil tindakan atau membatalkan pelantikan ini sekiranya pihak Tuan/Puan gagal mematuhi Syarat Pengusaha yang dinyatakan.

4. Selain itu, Deposit sebanyak RM100.00 perlu dibayar (sekali sepanjang tempoh penganjuran) kepada pihak Universiti yang merupakan bayaran wang pendahuluan sebagai jaminan untuk Tuan/Puan memberi komitmen menjaga kebersihan tapak Pasar Malam Mahasiswa UTeM.

Semoga dengan pelantikan ini, Tuan/Puan dapat menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,

(Nama)

(Jawatan)

(Persatuan)